



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING KONTRAK PERBENDAHARAAN BIL. 5 TAHUN 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

SISTEM PANEL BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PENGIRIMAN SISTEM PERAWATAN NAJIS DI SELURUH MALAYSIA

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (**PKP**) ini bertujuan memaklumkan semua agensi Kerajaan mengenai pelaksanaan perolehan melalui Sistem Panel untuk sistem perawatan najis di seluruh Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kontrak Pusat bagi bekalan dan pengiriman sistem perawatan najis telah tamat pada 31 Disember 2004. Selepas tempoh tersebut, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya item berkenaan dikeluarkan dari Kontrak Pusat dan diwujudkan Sistem Panel.

2.2 Pelantikan syarikat Panel pembekal adalah berdasarkan kepada syarikat pada setiap masa memenuhi kriteria berikut:-

- i. Syarikat kekal berdaftar dengan Kementerian Kewangan, bertaraf Bumiputera dan bertaraf Pembuat dalam kod bidang berkaitan sepanjang tempoh Sistem Panel ini berkuat kuasa;
- ii. Syarikat berkemampuan dari segi teknikal dan kewangan;

- iii. Sistem Perawatan Najis yang dikeluarkan hendaklah mendapat kelulusan penggunaan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan (JPP), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; dan
- iv. Mempunyai Lesen Pensijilan Barangan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. atau Sijil Pengesahan Barangan daripada IKRAM QA Services Sdn. Bhd. yang masih sah tempoh lakunya.

3. TEMPOH KUAT KUASA

3.1 Perolehan secara Sistem Panel ini adalah untuk tempoh **dua (2) tahun** berkuat kuasa dari **1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2010**.

4. SYARIKAT PANEL PEMBEKAL

4.1 Bagi perolehan di atas, Kementerian Kewangan telah bersetuju melantik syarikat-syarikat Panel seperti berikut:-

Bil.	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank
1	Goodwater Engineering Sdn. Bhd.	No. 55-3, Jalan Sulaiman 3 Taman Putra Sulaiman 68000 Ampang Selangor Darul Ehsan No. Tel: 03-4270 2528 No. Faks: 03-4270 2568 E-mail: gwe_2005@yahoo.com	HONG LEONG BANK BERHAD Lot 91, Lorong Memanda 1 Ampang Point 68000 Ampang Selangor Darul Ehsan No. Akaun : 04600022738
2	Atostech Fibreglass Sdn. Bhd.	Lot PT 21554K Jalan Gelam 1 Kawasan Perindustrian Gong Badak 21300 Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman No. Tel: 09-666 6614 09-666 6682 No. Faks: 09-666 6627 09-666 3682 E-mail: atostech@yahoo.com	RHB BANK BERHAD No. 31, Jalan Sultan Ismail 20200 Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman No. Akaun : 21303800002803

Bil.	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank
3	Loyal Wastewater Engineering Sdn. Bhd.	Lot 22851 Jalan Degong 31900 Kampar Perak Darul Ridzuan No. Tel: 05-466 8888 No. Faks: 05-466 8899 E-mail: enquiry@loyalgroup.com.my	RHB BANK BERHAD 62, Persiaran Greenhill 30450 Ipoh Parak Darul Ridzuan No. Akaun : 20806100006483
4	Weidasar Sdn. Bhd.	Lot 8729, 126-B, Tingkat 1 Green Heights Commercial Centre Jalan Lapangan Terbang 93250 Kuching Sarawak No. Tel: 082-450 910 No. Faks: 082-460 910 Email: weidasarkc@weida.com.my	MALAYAN BANKING BERHAD Jalan TAR Kuching No. Akaun : 511038080242
5	Bayu Tiara Engineering Sdn. Bhd.	No. 5&7, Lorong Serunai Taman Jawi 14200 Sungai Bakap Pulau Pinang No. Tel: 04-582 2429 No. Faks: 04-582 1429 Email: byutiara@yahoo.com.my	MALAYAN BANKING BERHAD 522-566, Jalan Jelutung 11600 Pulau Pinang No. Akaun : 507031207836
6	System Everest Sdn. Bhd.	No. 2, Jalan P/19 Seksyen 10, Selaman Light Industrial Park Phase 1 43650 Bandar Baru Bangi Selangor Darul Ehsan No. Tel: 03-8922 1314 8920 1314 No. Faks: 03-8922 2314 Email: admin@systemeverest.com	CIMB BANK BERHAD 67, Jalan 8/1, Seksyen 8 43650 Bandar Baru Bangi Selangor Darul Ehsan No. Akaun : 12470003678054

Bil.	Nama Syarikat	Alamat	Perincian Bank
7	PJBUMI Composites Sdn. Bhd.	Plot 1, Jalan PKNK Utama Kawasan Perusahaan Sungai Petani 08000 Sungai Petani Kedah Darul Aman No. Tel: 04-442 9000 No. Faks: 04-442 7210 Email: johar@pjbumi.com.my	CIMB BANK BERHAD 1, Jalan 9A/55A Taman Setiawangsa 54200 Kuala Lumpur No. Akaun : 1435-0004353-05-5

4.2 Syarikat Panel adalah diwajibkan mengemukakan laporan seperti di **Lampiran A** ke Kementerian Kewangan untuk setiap suku tahun sebelum 15hb. bulan berikutnya. Kegagalan syarikat mengemukakan laporan tersebut akan menjejaskan penyenaraian syarikat sebagai Panel pembekal.

5. KAEDAH PEROLEHAN

5.1 Tatacara bagi perolehan di atas ditetapkan seperti berikut:-

- i. Perolehan bernilai sehingga RM50,000 setahun diuruskan secara pembelian terus hanya dengan mana-mana Panel pembekal yang dilantik;
- ii. Perolehan melebihi RM50,000 sehingga RM500,000 setahun hendaklah diuruskan melalui kaedah sebut harga di kalangan Panel pembekal yang dilantik. Bagaimanapun untuk mempertimbangkan keputusannya, ia hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Agensi; dan
- iii. Perolehan melebihi RM500,000 setahun hendaklah diuruskan melalui sebut harga di kalangan Panel pembekal yang dilantik. Bagaimanapun untuk mempertimbangkan keputusannya, ia hendaklah diputuskan oleh Lembaga Perolehan Agensi.

6. TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

6.1 Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memastikan agensi mematuhi peraturan perolehan yang berkaitan dalam menguruskan perolehan ini.

7. HAL-HAL LAIN

7.1 Agensi hendaklah mengemukakan aduan secara rasmi mengenai prestasi syarikat Panel yang kurang memuaskan, jika ada, ke Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti alamat berikut:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Bahagian Perolehan Kerajaan
(Seksyen Bekalan dan Perkhidmatan)
Aras 3, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

7.2 Jika ada sebarang kemusykilan mengenai pekeliling Sistem Panel ini, agensi Kerajaan boleh menghubungi Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian telefon 03-8882 3201 atau 8882 3295.

8. KUAT KUASA DAN PEMBATALAN

8.1 **PKP** ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan. Dengan berkuat kuasanya **PKP** ini, PKP berikut adalah terbatal :-

- i. PKP Bil. 2 Tahun 2008;
- ii. PKP Bil. 2 Tahun 2008 (Tambahan Pertama); dan
- iii. PKP Bil. 2 Tahun 2008 (Tambahan Kedua)

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(HASHMUDDIN BIN MOHAMMAD)

Bahagian Perolehan Kerajaan,
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

Bertarikh: **28** Julai 2009

s.k.

Ketua Audit Negara
Akauntan Negara Malaysia
Y.B Pegawai Kewangan Negeri

LAMPIRAN A

PENYATA PESANAN DAN BEKALAN BAGI BULAN _____ / _____
SISTEM PERAWATAN NAJIS

BIL	NAMA KEMENTERIAN / JABATAN / BADAN BERKANUN YANG MEMBUAT PESANAN	NO. PESANAN TARIKH PESANAN	KUANTITI PESANAN	NILAI	TARIKH BEKALAN	KUANTITI YANG DIBEKALKAN	KUANTITI YANG BELUM DIBEKALKAN
	JUMLAH						

ADALAH DISAHKAN BAHAWA PENYATA YANG DINYATAKAN DI ATAS ADALAH BENAR

Tandatangan Kontraktor :

Jawatan :

Tarikh dan Cop Syarikat :

Nota : Laporan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan setiap suku tahun walaupun syarikat tidak menerima pesanan.